

PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA  
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA  
SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN  
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA  
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E  
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302  
Fax : +603-8888 6680  
Website : <http://www.moe.gov.my/>

KP(BPSH-SPDK)201/005/02 Jld. 4 (45)  
20 Februari 2013

**Semua Pengarah Pelajaran  
Jabatan Pelajaran Negeri**

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
BILANGAN 6 TAHUN 2013**

**PELAKSANAAN PROGRAM LINUS 2.0 : LITERASI BAHASA MELAYU DAN  
NUMERASI SERTA PELAKSANAAN LITERASI BAHASA INGGERIS MULAI  
TAHUN 2013**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Program LINUS telah mula diperkenalkan di bawah NKRA Pendidikan mulai tahun 2010 bertujuan untuk memastikan semua murid yang telah mengikuti 3 tahun pendidikan rendah dapat menguasai asas literasi dan numerasi kecuali bagi mereka yang disahkan mempunyai masalah pembelajaran.

3. Untuk makluman YBhg. Datuk/Tuan/Puan, atas kejayaan pelaksanaan program tersebut di bawah GTP 1.0, maka inisiatif ini akan diteruskan di bawah NKRA Pendidikan – Program GTP 2.0, tetapi **mulai tahun 2013** diperluaskan skopnya dengan memasukkan **Bahasa Inggeris dalam komponen Literasi**, manakala komponen numerasi kekal seperti sedia ada. Pelaksanaan LINUS mulai tahun ini akan dikenali sebagai LINUS 2.0 seperti yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet pada 2 November 2012 dan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Khas pada 30 Januari 2013.

4. Tatacara pelaksanaan dan takrifan tahap penguasaan murid untuk LINUS 2.0 **mulai tahun 2013**, adalah seperti berikut:

- 5.1 Semua murid perlu menduduki dua saringan setiap tahun dari Tahun 1 hingga Tahun 3 mengikut tarikh-tarikh yang ditetapkan.
- 5.2 Murid akan dikategorikan kepada **Menguasai** dan **Tidak Menguasai**. Mereka tidak lagi dilabelkan sebagai murid Arus Perdana, LINUS dan LINUS Tegar.

5.3 Murid Menguasai ditakrifkan sebagai murid yang **melempi konstruk 12** pada setiap saringan yang dijalankan bagi Literasi Bahasa Melayu, Literasi Bahasa Inggeris dan Numerasi.


6. Dengan berkuatkuasanya surat siaran ini, maka surat siaran KP(BPSH-SPDK)201/005/02 Jld. 4(1) bertarikh 23 Mac 2012, **Tatacara Pelaksanaan Saringan dan Tahap Penguasaan Literasi dan Numerasi (LINUS) Murid Tahap Satu, Sekolah Rendah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)** adalah **terbatal**.

7. Pihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan dipohon mengambil tindakan sewajarnya dan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah dan semua Guru Besar di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**DATO' HAJI SUFA'AT BIN TUMIN**  
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
(Sektor Operasi Pendidikan)  
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k.;

1. Setiausaha Sulit Kanan kepada YAB Menteri Pelajaran Malaysia
2. Setiausaha Sulit Kanan kepada YB Timbalan Menteri Pelajaran I
3. Setiausaha Sulit Kanan kepada YB Timbalan Menteri Pelajaran II
4. Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia
5. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia
7. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Pembangunan Profesionalisme Keguruan)

8. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
(Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
9. Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia
10. Ketua-Ketua Bahagian  
Kementerian Pelajaran Malaysia
11. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pelajaran Malaysia
12. Pegawai Perhubungan Awam  
Kementerian Pelajaran Malaysia